

1 Apakah ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka?

- A Raja
- B Kerajaan
- C Wilayah jajahan
- D Lambang diraja

2 Maklumat berikut berkaitan dengan Pembesar Berempat dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Peranan Bendahara
<ul style="list-style-type: none">• Ketua pentadbir• Ketua turus angkatan tentera• X

Apakah X ?

- A Penasihat sultan
- B Pengawal sultan
- C Ketua keselamatan
- D Ketua perbendaharaan

3 Apakah kesan Revolusi Keagungan (1688) terhadap sistem pemerintahan di England?

- A Hak rakyat dipelihara
- B Raja berkuasa mutlak
- C Institusi parlimen runtuh
- D Sistem raja berpelembagaan dimantapkan

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm

4 Maklumat berikut berkaitan tokoh nasionalis lepasan Maktab Melayu Kuala Kangsar.

- Raja Chulan Raja Abdullah
- Mahmut Mat
- Mohammad Eunos Abdullah

Apakah yang diperjuangkan oleh golongan ini?

- A Menuntut kemerdekaan
- B Menawarkan tempat tinggal
- C Membaiki taraf hidup orang Melayu
- D Mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi

5 Perjanjian Versailles merupakan salah satu punca teretusnya Perang Dunia Kedua di Eropah.

Mengapakah keadaan sedemikian berlaku?

- I Jerman kehilangan tanah jajahan.
 - II Jerman perlu membayar pampasan perang yang tinggi
 - III Jerman telah diduduki oleh Pakatan Bertiga
 - IV Jerman didesak menandatangani Perjanjian Pelucutan Senjata (1932-1934)
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

6 Tokoh di bawah telah menentang Jepun secara individu.



Sybil Kathigasu

Bagaimanakah tindakan beliau untuk menentang Jepun?

- I Beliau dan suaminya memberikan bantuan ubat-ubatan kepada pasukan gerila anti-Jepun.
- II Berkongsi maklumat melalui siaran radio British dengan gerila anti-Jepun.
- III Bertanggungjawab membekalkan senjata dan peluru kepada pasukan Force 136.
- IV Mendedahkan peta markas Jepun kepada gerila anti-Jepun.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7 Apakah ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union?

- I Majlis Raja-Raja membincangkan urusan pentadbiran
- II Malayan Union diketuai oleh Gabenor British
- III Singapura diletakkan di bawah unit pentadbiran yang berasingan
- IV Kewarganegaraan konsep rakyat Raja diperkenalkan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8 Berikut merupakan tindakan British terhadap nasionalis di Sabah?

- Menawarkan kenaikan pangkat
- Memindahkan ahli dan pemimpin

Apakah tujuan British berbuat demikian?

- A Mendorong kelahiran intelektual
- B Mengurangkan tekanan komunis
- C Meningkatkan taraf hidup penduduk
- D Melumpuhkan gerakan nasionalisme

9 Mengapakah British menubuhkan Jawatankuasa Kerja pada 25 Julai 1946?

- A Menggubal perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- B Mengkaji isu perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- C Membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
- D Menerima memorandum Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

10 Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu
- B Pengaruh komunis semakin luas
- C Pergerakan parti radikal dihalang
- D Kemasukan imigran disekat

11 Pernyataan berikut berkaitan dengan tindakan komunis di Tanah Melayu.

Pada 16 Jun 1948, komunis telah membunuh tiga orang pengurus ladang Eropah di Sungai Siput, Perak

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Pembebasan golongan radikal
- B Penghantaran balik kaum imigran
- C Pengisytiharan Undang-Undang Darurat
- D Pengenalan Persekutuan Tanah Melayu

12 Gambar berikut menunjukkan Pengarah Operasi dalam Rancangan Briggs.



Sir Harold Rowdon Briggs

Apakah sumbangan beliau?

- A Memantapkan perpaduan kaum
- B Melemahkan pengaruh komunis
- C Mengukuhkan hubungan diplomatik
- D Memperkenalkan pentadbiran baharu

13 Apakah portfolio yang dipegang oleh Dato' Onn Jaafar semasa pembentukan Sistem Ahli pada tahun 1951?


- A Ahli Pelajaran
- B Ahli Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancang Bandar
- C Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri
- D Ahli Hasil Bumi

- 14 Penyata Jawatakuasa Pelajaran 1956 yang dipengerusikan oleh Dato' Abdul Razak bin Hussein juga dikenali sebagai Penyata Razak 1956.

Bagaimanakah penyata tersebut berusaha mengintegrasikan rakyat pelbagai kaum di negara kita?

- I Penggunaan kurikulum yang seragam
 - II Pengenalan buku teks berunsur tempatan
 - III Pendidikan sivik diajar secara formal di sekolah
 - IV Pelaksanaan sistem persekolahan yang sama bagi semua bangsa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 15 Gambar berikut menunjukkan proses mengundi semasa pilihan raya.



Apakah hak rakyat dalam situasi di atas?

- A Mengadakan perhimpunan
- B Mendapat perlindungan
- C Membentuk persatuan
- D Memilih pemimpin

- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj selepas Pilihan Raya Umum 1955.

Sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman bertanggungjawab menunaikan mandat daripada rakyat.

Apakah mandat yang dimaksudkan?

- A Membentuk kerajaan
- B Mencapai kemerdekaan
- C Memajukan ekonomi negara
- D Memelihara hak dan kepentingan rakyat
- 17 Apakah terma rujukan yang perlu dipatuhi oleh Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dalam pelaksanaan tugasnya?
- I Membentuk kerajaan pusat yang kuat
- II Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu
- III Melaksanakan pemerintahan demokrasi
- IV Mewujudkan kepelbagaian kewarganegaraan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV
- 18 Berikut adalah inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

- Kewarganegaraan
- Kedudukan Bahasa Melayu
- Kedudukan Agama Islam

Apakah kesimpulan yang dapat anda buat tentang perjanjian ini?

- A Mengutamakan keamanan
- B Menjamin kesejahteraan rakyat
- C Mencerminkan sikap permuafakatan dan tolak ansur
- D Memberikan tumpuan kepada pengamalan agama masyarakat

- 19 Pernyataan berikut merupakan salah satu jawatankuasa persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.

Sebagai sebuah negara yang akan memperoleh kemerdekaan, penonjolan identiti negara perlu diberikan perhatian oleh jawatankuasa ini.

Apakah jawatankuasa yang terlibat?

- A Jawatankuasa Kabinet
- B Jawatankuasa Persediaan Fizikal
- C Jawatankuasa Sambutan
- D Jawatankuasa Kemerdekaan

20. Peristiwa penting berikut berlaku di Tanah Melayu pada tahun 1957.



Bendera Union Jack diturunkan dan Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan

Apakah yang dapat dibuktikan daripada peristiwa tersebut?

- A Pendudukan komunis di Asia Tenggara
- B Perasmian Stadium Merdeka
- C Berakhirnya pentadbiran British
- D Kemenangan Jepun di Tanah Melayu

21. Mengapakah kedaulatan penting kepada sesebuah negara?

- A Meningkatkan imej negara
- B Melambangkan kehebatan negara
- C Menunjukkan kebebasan mentadbir
- D Mewujudkan keberkesanan pentadbiran

22. Berikut adalah langkah mempertahankan kedaulatan negara.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Mewujudkan kestabilan politik• Mewujudkan kemakmuran ekonomi |
|---|

Bagaimanakah kerajaan berusaha mencapai matlamat tersebut?

- I Mengagihkan kekayaan dengan adil
 - II Mewujudkan pentadbiran yang cekap
 - III Meminta bantuan kuasa asing
 - IV Mengamalkan ideologi kapitalis
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 23 Jadual berikut berkaitan sejarah penggubalan undang-undang kerajaan Melayu sebelum merdeka.

Tahun	Peristiwa
1877	Mesyuarat Majlis Negeri Perak yang pertama

Apakah kepentingan peristiwa tersebut?

- A Pembentukan undang-undang negara
 - B Pembentukan Majlis Raja-raja
 - C Pengenalan Raja Berperlembagaan
 - D Pemulihan sistem beraja
- 24 Setelah Singapura membuat keputusan untuk keluar daripada Malaysia, apakah kesan terhadap sistem perundangan negara kita?
- A Mengekalkan Perlembagaan Malaysia
 - B Penggubalan Perlembagaan Singapura
 - C Berlaku Pindaan Perlembagaan 1963
 - D Berlaku Pindaan Perlembagaan 1965
- 25 Pemerintahan beraja diteruskan dalam Perlembagaan Persekutuan 1957 dan beberapa pindaan dibuat supaya sesuai dengan konsep demokrasi.
- Antara berikut, yang manakah pindaan yang telah dibuat?
- A Raja-raja Melayu sebagai ketua undang-undang
 - B Raja-raja Melayu kekal sebagai pemerintah berdaulat
 - C Raja-raja Melayu sebagai Ketua Agama Islam
 - D Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan


26 Maklumat berikut berkaitan dengan pentadbiran negara kita.

Konflik yang berlaku antara Badan Perundangan dengan badan Eksekutif berkaitan dengan undang-undang.

Bagaimanakah konflik tersebut diselesaikan?

- A Melalui Badan Kehakiman
- B Dibahaskan di Dewan Rakyat
- C Menerusi pilihan raya umum
- D Dibawa mesyuarat ke Parlimen

27 Rajah berikut menunjukkan peruntukan kuasa dalam Perlembagaan Malaysia.



Apakah kesan daripada pengasingan kuasa tersebut?

- A Mengekalkan warisan tradisi
- B Melancarkan pentadbiran negara
- C Mengukuhkan sistem percukaian
- D Mengelakkan rusuhan kaum

28. Maklumat berikut berkaitan dengan kerjasama sosioekonomi Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri melalui Pembangunan Koridor Wilayah berlandaskan projek pembangunan.

Tahun	Rancangan Pembangunan Koridor Wilayah	Wilayah Liputan
2007	Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau East Coast Economic Region (ECER)	Pahang, Terengganu, Kelantan, Daerah Mersing, Johor.

Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam mencapai matlamat tersebut?

- A Bantuan kewangan
 - B Penyediaan buruh
 - C Bantuan kepakaran
 - D Penyediaan tanah
- 29 Parti- parti Sarawak telah bergabung dan membentuk Parti Perikatan Sarawak.

Apakah tujuan pembentukan Parti Perikatan Sarawak tersebut?

- A Memohon pungutan suara diadakan
 - B Menyokong pembentukan Malaysia
 - C Menentang pembentukan Malaysia
 - D Menuntut kemerdekaan negeri
- 30 Gambar menunjukkan Peristiwa Pengisytiharan Malaysia di Kuala Lumpur?



Malaysia diisytiharkan pada 16 September 1963. Istiadat pengisytiharan diadakan serentak di Kuala Lumpur, Sarawak dan Sabah.

Siapakah yang membacakan Pengisytiharan Malaysia di Stadium Merdeka?

- A Ketua British
- B Ketua Menteri
- C Yang di-Pertuan Agong
- D Yang di-Pertuan Negeri

31 Berikut adalah beberapa operasi ketenteraan yang dilancarkan di negeri Sarawak.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Operasi Hammer• Operasi Ngayau• Operasi Sri Aman |
|--|

Apakah tujuan operasi tersebut dilancarkan ?

- A Menahan pencerobohan luar
- B Membanteras ancaman komunis
- C Memulihkan kepercayaan rakyat
- D Menuntut kemerdekaan wilayah

32 Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu kebergantungan pada eksport getah dan biji timah bagi membangunkan ekonomi negara di bawah Rancangan Malaysia Pertama?

- I Menyediakan teknologi moden kepada petani
- II Menyediakan bantuan kewangan kepada pengusaha
- III Mencari pasaran baharu bagi getah dan bijih timah
- IV Mempelbagaikan pengeluaran komoditi negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33 Akta Pendidikan 1996 mewajibkan pengajaran bahasa kebangsaan diajar di semua sekolah dan institusi pendidikan.

Mengapakah cadangan tersebut dibuat ?

- A Memupuk semangat cinta akan negara
- B Melahirkan keharmonian antara negeri
- C Menghargai keunikan dalam negara
- D Menyemai nilai mencintai kemanusiaan


34 Rukun Negara ialah ikrar yang perlu dihayati oleh rakyat Malaysia.

Apakah kesan ikrar tersebut kepada negara?

- I Memupuk keharmonian negara
- II Memantapkan hubungan serantau
- III Memperkasa semangat kenegerian
- IV Meningkatkan kesejahteraan rakyat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35 Gambar di bawah menunjukkan Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan pada 20 Disember 1974.



Mengapakah rancangan tersebut diperkenalkan?

- A Meningkatkan peluang kerja
- B Menambahkan kuantiti hasil pertanian
- C Menjalankan penyelidikan pertanian
- D Membantu petani dalam kegiatan koperasi

36 Apakah tujuan Pusat Giatmara memberikan latihan kepada golongan belia?

- A Mengukuhkan pertahanan negara
- B Membina masyarakat berdaya saing
- C Menyediakan pekerja bidang kemahiran
- D Membangunkan modal insan berkualiti

37 Maklumat berikut merupakan antara matlamat Malaysia .

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Memupuk hubungan baik dengan negara luar• Melindungi kepentingan nasional Malaysia di negara luar |
|--|

Bagaimanakah matlamat tersebut dapat dicapai ?

- A Pengukuhan jati diri
- B Pengukuhan semangat nasionalisme
- C Pengukuhan kedaulatan negara
- D Penggubalan dasar luar negara

38 Maklumat berikut berkaitan dengan penentangan Dasar Aparteid.

Afrika Selatan tarik diri daripada Komenwel setelah Malaysia dan negara lain tegas membantah Dasar Aparteid.

Mengapakah Malaysia menentang Aparteid?

- A Berfahaman komunis
- B Bersifat pencerobohan
- C Menyalahi hak asasi manusia
- D Menggugat keselamatan negara

39 Apakah matlamat penubuhan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) ?

- A Memberi bantuan kemanusiaan
- B Mengekalkan keamanan negara
- C Memperjuangkan hak asasi manusia
- D Menjaga kepentingan masyarakat Islam

40

- Cinta Gaza Malaysia (CGM)
- Muslim Care Malaysia

Maklumat di atas merujuk pertubuhan NGO di negara kita.

Apakah matlamat kedua-dua NGO tersebut?

- A Membantu warga Palestin
- B Membantu negara Islam
- C Pertubuhan Islam Antarabangsa
- D Menyertai pasukan pengaman

- SOALAN TAMAT -